



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

PEKELILING PERMOHONAN UPUONLINE KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM (UA), POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA) SESI AKADEMIK 2017/2018

Dasar & Prosedur Kemasukan ke Program Pengajian Ijazah Pertama UA Bagi Lulusan STPM/Setaraf Kategori Diploma/ Setaraf Sesi Akademik 2017/2018

Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi, Aras 4, No 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya

24 Januari 2017

ISI KANDUNGAN

1. PENYELARASAN PENGAMBILAN	2
Program Pengajian Untuk Calon Bumiputera & Bukan Bumiputera	2
2. PEMBELIAN NOMBOR UNIK ID.....	3
3. e-PANDUAN	4
Syarat Am Kemasukan	4
Syarat Khas.....	5
4 PERMOHONAN	5
Kategori Permohonan	5
Sah & Hantar.....	7
Semakan Permohonan	8
Kemas kini Permohonan	8
5 PEMROSESAN & PEMILIHAN	8
Dasar & Kriteria Pemilihan	9
Markah Kokurikulum	9
Proses pemilihan jaya	9
6 HEBAHAN	10
Surat Tawaran.....	11
7 RAYUAN.....	11
8 TARIKH-TARIKH PENTING	12
9 KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (KPTN) 2017	12

Dasar dan Prosedur Kemasukan ke Program Pengajian Ijazah Pertama UA Bagi Lulusan STPM/Setaraf Kategori Diploma/ Setaraf Sesi Akademik 2017/2018

1. PENYELARASAN PENGAMBILAN

- 1.1 BPKP JPT menyelaraskan **permohonan, pemprosesan dan pemilihan** kemasukan ke Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf di **20 buah UA** bagi **Ambilan September** sahaja seperti berikut :-

20 Universiti Awam (UA)

1. **Universiti Sains Malaysia (USM)** *Baharu*
2. **Universiti Malaya (UM)** *Baharu*
3. **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**
4. **Universiti Putra Malaysia (UPM)**
5. **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)**
6. **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**
7. **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**
8. **Universiti Malaysia Sabah (UMS)**
9. **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)**
10. **Universiti Utara Malaysia (UUM)**
11. **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**
12. **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)**
13. **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**
14. **Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**
15. **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**
16. **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**
17. **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**
18. **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**
19. **Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)**
20. **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**

Program Pengajian di UiTM

- 1.2 Program pengajian di UiTM hanya terbuka kepada **pemohon berketurunan Melayu, Anak Negeri Sabah, Anak Negeri Sarawak dan Orang Asli Semenanjung** sahaja.
- 1.3 Semua program pengajian di UA lain (selain UiTM) terbuka kepada semua.

2. PEMBELIAN NOMBOR UNIK ID

- 2.1 Sebelum mengemukakan permohonan, pemohon dikehendaki membeli Nombor Unik ID di Bank Simpanan Nasional (BSN) terdekat dan kaedah pembelian Nombor Unik ID adalah secara **individu seperti berikut**:
- a) Pembelian mulai **06 Februari hingga 30 Mac 2017. Jualan Nombor Unik ID ditutup sehari awal** daripada tarikh tutup permohonan.
 - b) Pembelian secara individu melalui **kaunter BSN, Mesin Automated Teller Machine (ATM) dan Perbankan Internet**. Pembelian melalui kaedah Mesin *Automated Teller Machine* (ATM) dan Perbankan Internet memerlukan pemohon/ ibu bapa **memiliki Akaun GIRO BSN**.
 - c) Bayaran Wang Proses sebanyak **RM15.60 (tidak termasuk GST)**. Pihak BSN akan mengenakan caj GST tersebut. Pemohon perlu membayar **RM15.64** untuk membeli No. Unik ID.
 - d) Kad Pengenalan/ MyKad atau salinan Kad Pengenalan/ MyKad pemohon perlu dikemukakan semasa pembelian.
 - e) Pembelian Nombor Unik ID mestilah berdasarkan **Nama dan Nombor Kad Pengenalan/MyKad pemohon**. BSN akan mengeluarkan salinan resit pembayaran bersama-sama dengan Nombor Unik ID.
- 2.2 Jangan **dedahkan** Nombor Unik ID kepada orang lain, kerana ianya adalah **SULIT**.

3. e-PANDUAN

- 3.1 Semua program pengajian yang ditawarkan oleh UA bagi Sesi Akademik 2017/2018 boleh didapati dalam e-Panduan dengan melayari pautan URL seperti berikut :-

<https://online.mohe.gov.my/upu/emas/epanduan/>

- 3.2 Pemohon hanya pilih *Senarai Program Pengajian Yang Ditawarkan* → *STPM/Setaraf* → Klik butang **MASUK**. Pemohon boleh mendapatkan maklumat program pengajian yang ditawarkan mengikut UA, aliran dan bidang.
- 3.3 Selain daripada senarai program pengajian yang ditawarkan, pemohon juga boleh mendapatkan maklumat berkenaan dengan syarat am dan khas yang telah ditetapkan.
- 3.4 Selain e-Panduan, pemohon juga boleh menyemak kelayakan melalui Sistem Semak Syarat (IMASCU) di URL <http://www.semaksyarat.info> berdasarkan keputusan peperiksaan.

Syarat Am Kemasukan

- 3.5 Terbuka kepada Warganegara Malaysia dan Penduduk Tetap yang mempunyai No. KP/My Kad sahaja. Bukan Warganegara memohon terus ke UA berkaitan.
- 3.6 Kelayakan

i. SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

Pemohon mestilah **Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** dengan mendapat **KEPUJIAN** dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu dan **LULUS** dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kejujutan Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira;

DAN

ii. DIPLOMA/ SETARAF

- a) Mempunyai kelulusan **Diploma UA/ Politeknik/ IPTS, Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM), Diploma Vokasional Malaysia (DVM) atau Kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya** oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti (syarat khas program mengikut jenis program yang ditawarkan di UA); atau
- b) Lulus peperiksaan STPM tahun 2015 dan sebelumnya dengan mendapatkan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am; atau

- c) **Matrikulasi/Asasi tahun 2015 dan sebelumnya** dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; atau
- d) **STAM tahun 2014 dan sebelumnya dengan** mendapat sekurang-kurangnya **Tahap Jayyid**; atau
- e) Lulusan Pra-U Sekolah Sukan Malaysia/GCE A-Level/ *International Baccalaureate Diploma/ Australian Matriculation (AUSMAT)* serta kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat UA.

DAN

- iii. **Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1)** dalam Malaysia University English Test (MUET) mengikut tempoh sah laku (5 tahun) iaitu mulai 01 Januari 2012.

Syarat Khas

- 3.7 Pemohon perlu memenuhi syarat-syarat khas program pengajian seperti yang dinyatakan dalam **SYARAT KHAS PROGRAM** e-Panduan Permohonan Kemasukan ke UA bagi Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf.

4 PERMOHONAN

- 4.1 Iklan Permohonan Kemasukan ke UA bagi Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf Sesi Akademik 2017/2018 akan disiarkan **pada hari Ahad** sebanyak **dua (2)** kali iaitu pada **5 Februari 2017 dan 05 Mac 2017**.
- 4.2 Permohonan akan **dibuka mulai 6 Februari 2017 jam 12.00 tengah hari** dan **ditutup pada 31 Mac 2017 jam 11.59 Malam**.
- 4.3 Pemohon Lulusan STPM/Setaraf diwajibkan mengemukakan permohonan kemasukan ke UA melalui Sistem UPUOnline sahaja di <http://upu.mohe.gov.my>.
- 4.4 Pastikan sebelum mengisi maklumat dalam UPUOnline, pemohon dinasihatkan membaca terlebih dahulu panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi mengelakkan pemohon memilih program yang tidak melepasi syarat khas program.

Kategori Permohonan

- 4.5 Permohonan kemasukan ke UA bagi Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf Sesi Akademik 2017/2018 dibuka untuk kategori berikut :-

Kategori E	Kategori F
Pemohon Lepas Diploma / Setaraf Aliran Sastera	Pemohon Lepas Diploma / Setaraf Aliran Sains

- 4.6 Pemohon dikehendaki **Daftar Kali Pertama** bagi mengakses UPUOnline untuk permohonan kemasukan ke UA/ Politeknik Premier, Politeknik Konvensional/ METrO, Kolej Komuniti dan ILKA *Baharu*
- 4.7 Pemohon wajib memasukkan **enam (6) item** berikut untuk membuat Daftar Kali Pertama :-
- No Kad Pengenalan
 - Alamat E-mel
 - Nama Ibu
 - Kata Laluan
 - Kod Keselamatan
 - Soalan Keselamatan Profil Akaun
- 4.8 Pemohon wajib memasukkan **lima (5) item** berikut untuk mengemukakan permohonan kali pertama :-
- No. Kad Pengenalan/MyKAD Semasa Pendaftaran Peperiksaan
 - No. Unik ID
 - Jenis Permohonan
 - Program Pengajian
 - Kategori



Rajah 1 - Carta Alir Permohonan UPUOnline

- 4.8. Sekiranya pemohon telah mendaftar, pemohon boleh login dengan hanya menggunakan Nombor Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah dimasukkan semasa **Daftar Kali Pertama** dibuat
- 4.9 Pemohon **wajib memilih 8 pilihan** program pengajian yang **berbeza**. Jika berminat dengan program pengajian yang **bertemu duga**, pemohon boleh mengemukakan pilihan pada **Pilihan 1 hingga 4 sahaja**. Bagi **Program Pengajian bertemu duga (Pendidikan)** pada **Pilihan 1-2 sahaja**.
- 4.10 Semua program pengajian yang ada temu duga ditandakan dengan **tanda (#) pada akhir nama program pengajian dalam UPUOnline**.
- 4.11 Maklumat penting yang wajib diisi oleh pemohon ditandakan dengan tanda (*) dalam borang sistem permohonan kemasukan pelajar. Manakala tanda (**) adalah merujuk kepada wajib mengisi salah satu medan maklumat.
- 4.12 Pemohon Lulusan Diploma/Setaraf wajib upload dokumen setelah mengemukakan permohonan/ pengemaskinian maklumat. Dokumen perlu diupload dalam UPUOnline sebelum atau pada 14 April 2017. Kegagalan pemohon upload dokumen yang diperlukan boleh menyebabkan pemohon tidak dapat dipertimbangkan kemasukan ke UA. Antara dokumen yang perlu diupload adalah seperti berikut :- **Baharu**
- Sijil SPM/Setaraf
 - Sijil STPM/Setaraf (Jika Berkaitan)
 - Transkrip penuh Akademik
 - Diploma/Sijil (Jika Ada);
 - Surat Pengesahan Tamat Pengajian;
 - Keputusan Bahasa Melayu / Matematik Julai (Jika ada)
 - Salinan Cetakan Akreditasi MQA
(<http://www2.mqa.gov.my/mqr/>)

Sah & Hantar

- 4.13 Pemohon **wajib** klik butang “**Sah & Hantar**” bagi memastikan maklumat permohonan telah selamat diterima oleh sistem. Maklumat yang dicetak sebelum klik butang “**Sah & Hantar**” tidak boleh dijadikan sebagai bukti bahawa pemohon telah berjaya mengemukakan permohonan.
- 4.14 Setelah klik butang “**Sah & Hantar**”, pernyataan “**Terima Kasih! Permohonan Anda Telah Selamat Diterima Oleh Sistem**” dan **Slip Permohonan Kemasukan Pelajar** akan dipaparkan dengan maklumat seperti berikut:
- a) Tarikh Permohonan;
 - b) Masa Permohonan;
 - c) Rujukan Permohonan;
 - d) Semua maklumat permohonan yang telah diisi.

- 4.15 Maklumat lengkap permohonan boleh dicetak melalui pautan “Cetak Slip”. Sekiranya pemohon berjaya mengemukakan permohonan, laman ini akan memaparkan **Slip Permohonan Kemasukan Pelajar** .

Semakan Permohonan

- 4.16 Jika pemohon **tidak menyimpan/ mencetak Slip Permohonan** ketika mengemukakan permohonan kali pertama, maklumat lengkap permohonan boleh dicetak melalui pautan “**SLIP**”. Sekiranya pemohon berjaya mengemukakan permohonan, laman ini akan memaparkan Slip Permohonan Kemasukan Pelajar untuk simpanan dan cetakan.

Kemas kini Permohonan

- 4.17 Proses kemas kini maklumat permohonan boleh dibuat oleh pemohon selepas berjaya mengemukakan permohonan.
- 4.18 **Proses pengemaskinian** maklumat boleh dilakukan oleh pemohon **tanpa had sehingga tarikh tutup permohonan**. Sebarang pengemaskinian maklumat adalah di bawah tanggungjawab pemohon.
- 4.19 Sekiranya pemohon lupa Kata Laluan yang diisi semasa mengemukakan permohonan bagi tujuan pengemaskinian, pemohon boleh mendapatkan Kata Laluan dengan klik pautan ‘Lupa Kata Laluan’. Pemohon perlu menjawab beberapa soalan keselamatan sebelum kata laluan dipaparkan kepada pemohon. Kata Laluan akan dihantar ke emel yang telah didaftarkan. *Baharu*

5 PEMROSESAN & PEMILIHAN

- 5.1 Pemohon yang telah memilih program pengajian bertemu duga akan diproses dan dihantar kepada UA untuk pemilihan pemohon yang akan dipanggil untuk menghadiri ujian/ temu duga pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan oleh UA.
- 5.2 **Surat panggilan temu duga akan dikeluarkan oleh UA** melalui laman web masing-masing yang turut akan dipaut dari laman web <http://upu.mohe.gov.my>.
- 5.3 Hanya pemohon yang tamat pengajian sehingga Mac dan Julai sahaja yang dibenarkan untuk mengemukakan permohonan kemasukan pelajar. Prosedur permohonan calon Lepas Diploma/Setaraf adalah seperti berikut :- *Baharu*

- a) Calon yang tamat pengajian sebelum April 2017 akan diproses untuk hebahan pada Ogos 2017.
- b) Pemohon yang tamat pengajian selepas April hingga Julai 2017 boleh mengemas kini permohonan semasa rayuan bagi pemprosesan rayuan yang akan dihebahkan pada September 2017.

Dasar & Kriteria Pemilihan

- 5.4 Dasar pemilihan adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum.
- 5.5 Kriteria pemilihan kemasukan adalah seperti berikut:-
- a) Pencapaian akademik dalam peperiksaan STPM/Setaraf dan SPM/Setaraf;
 - b) Pencapaian dalam aktiviti kokurikulum;
 - c) Kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan program pengajian dipohon;
 - d) Gred mata pelajaran untuk tujuan pengkhususan;
 - e) Memenuhi syarat khas seperti yang ditetapkan oleh UA;
 - f) Telah mengambil MUET dengan mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1);
 - g) Lulus temu duga/ujian bagi program bertemu duga/ujian;
 - h) Program pengajian pilihan pemohon mengikut keutamaan; dan
 - i) Bilangan tempat yang disediakan oleh UA.
- 5.6 Kriteria tambahan bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP)
- a) Melempi tahap minimum Ujian MEdSI
 - b) Lulus ujian khas yang ditetapkan dan diperaku temuduga.

Markah Kokurikulum

- 5.7 Markah kokurikulum dikira berdasarkan purata 2 daripada 4 bidang yang terbaik dengan markah 10%.
- Sukan
 - Uniform
 - Persatuan/Kelab
 - PLKN

Proses pemilihan jaya

- 5.8 Pemilihan dilaksanakan sepenuhnya oleh UA dan penyelarasan adalah berdasarkan keutamaan pilihan.
- 5.9 Pengambilan adalah 'over & above' bilangan tempat yang disediakan tidak termasuk dalam Lulusan STPM/ Matrikulasi.
- 5.10 Bagi Diploma 'feeder' dan lulusan lain yang terus ke tahun dua dan seterusnya diuruskan oleh UA sendiri.

- 5.11 Hanya calon yang tamat pengajian dan dianugerahkan diploma oleh Senat UA atau Lulus Penuh yang dikeluarkan oleh Politeknik Malaysia sahaja boleh mengemukakan permohonan kemasukan ke UA secara dalam talian (online) melalui BPKP JPT.

6 HEBAHAN

- 6.1 BPKP JPT menggunakan perkhidmatan SMS dan Internet untuk memaklumkan **status permohonan dan keputusan permohonan kemasukan ke UA.**
- 6.2 Hebahan Status Keputusan Permohonan dijangkakan akan diumumkan pada **Minggu Pertama Ogos 2017 (Tentatif)** melalui saluran hebahan seperti berikut:
- a) Internet
 - <http://upu.mohe.gov.my>
 - <https://jpt.utm.my>
 - <http://jpt.uum.edu.my>
 - <https://jpt.unimas.my>
 - <http://jpt.ums.edu.my>
 - b) **HOTLINE UPU : 03-8870 8200**
 - c) **SMS 15888 (IOD)**
- 6.3 Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan boleh hubungi BPKP JPT di alamat dan talian seperti berikut :-

**Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar
Jabatan Pendidikan Tinggi,
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 4, No. 2 Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. Putrajaya
(03) 8870 8200
<http://upu.mohe.gov.my>.**

Laman Sosial :



Surat Tawaran

- 6.4 Pemohon hanya akan ditawarkan program pengajian dalam pilihan sahaja (Pilihan 1-8). Sekiranya calon gagal ditawarkan, calon boleh mengemukakan rayuan melalui UPUOnline dengan memilih program pengajian yang layak dan mempunyai kekosongan tempat sahaja *Baharu*
- 6.5 Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh UA mulai **sehari selepas keputusan permohonan diumumkan** melalui laman web UA masing-masing.
- 6.6 Pemohon dikehendaki membuat pengesahan setuju terima tawaran melalui Laman Web UA dalam **tempoh sepuluh (10) hari** selepas keputusan permohonan diumumkan. Surat Tawaran hanya akan dikeluarkan selepas pemohon membuat pengesahan setuju terima tawaran UA tersebut.
- 6.7 **Tawaran adalah muktamad.**

7 RAYUAN

- 7.1 Hanya pemohon yang **GAGAL mendapat tawaran ke UA** sahaja yang boleh mengemukakan permohonan rayuan.
- 7.2 Permohonan rayuan hanya dalam **tempoh 5 hari** selepas keputusan permohonan kemasukan ke UA diumumkan.
- 7.3 Pemohon dibenarkan mengemukakan **EMPAT (4)** pilihan program pengajian semasa mengemukakan permohonan rayuan. Pemohon dibenarkan membuat pengemaskinian tanpa sebarang had sehingga tarikh tutup permohonan rayuan.
- 7.4 Penawaran calon rayuan dibahagikan kepada **dua (2) fasa** iaitu *Baharu*
 - i. Sebelum pendaftaran pelajar baharu
 - ii. Selepas pendaftaran pelajar baharu
- 7.5 Keputusan rayuan 1 akan diumumkan sebelum pendaftaran pelajar baharu dan calon yang masih gagal akan dipertimbangkan kemasukan untuk rayuan 2, bergantung bilangan kekosongan tempat yang ada selepas pendaftaran pelajar baharu. *Baharu*
- 7.6 Objektif penawaran calon rayuan sebanyak 2 fasa adalah untuk :-
 - i. Memastikan calon ditawarkan dengan program pengajian yang dipilih dan diminati sahaja. Tiada istilah pertimbangan setara/ lelong
 - ii. Calon mendapat keputusan rayuan fasa 1 dengan lebih cepat dan mendaftar bersama-sama dengan calon ambilan pertama.

- 7.7 Pemilihan bagi permohonan rayuan adalah untuk mengisi kekosongan tempat yang berlaku selepas pendaftaran pelajar baharu di UA.

8 TARIKH-TARIKH PENTING

- 8.1 Berikut adalah tarikh-tarikh penting yang berkaitan dengan permohonan kemasukan ke UA Bagi Program Pengajian Lepas STPM/ Setaraf Sesi Akademik 2017/2018 :-

	Tarikh
Siaran Iklan	05.02.2017 dan 05.03.2017
Jualan No. Unik ID	06.02.2017 hingga 30.03.2017
Permohonan	06.02.2017 hingga 31.03.2017
Semakan Panggilan Temu Duga (Bukan Pendidikan) dan Ujian MEdSI	Minggu Ke - 4 Mei 2017
Semakan Panggilan Temu Duga (Pendidikan)	Minggu Ke - 2 Jun 2017
Hebahan Keputusan	Minggu Pertama Ogos 2017
Permohonan Rayuan	Minggu Pertama Ogos 2017 (Rayuan dalam tempoh 5 hari)
Hebahan Keputusan Rayuan 1	Minggu Ke-4 Ogos 2017
Hebahan Keputusan Rayuan 2	Minggu Ke-3 September 2017

9 KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (KPTN) 2017

Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) Kali Ke-13 Tahun 2017 akan diadakan di **TUJUH** (7) zon mulai Februari hingga Mac 2017. Objektif utama pelaksanaan KPTN adalah seperti berikut :

- i. Mempromosi serta menyebarkan luas maklumat mengenai program pengajian sedia ada serta program baru yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, ILKA, Bahagian Matrikulasi (BMKPM) dan institusi lain bagi Sesi Akademik 2017/2018;

- ii. Mendidik dan memupuk kesedaran di kalangan pemohon dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke UA dan Politeknik, Kolej Komuniti & ILKA melalui UPUOnline.
- iii. Menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan dasar pemilihan kemasukan ke UA yang mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum; dan
- iv. Memotivasikan dan mendidik pemohon dalam menyebarkan luas maklumat mengenai peluang pendidikan tinggi di IPT, Politeknik dan ILKA dalam negara serta agensi lain yang berkaitan dengan pendidikan tinggi.

**JADUAL PELAKSANAAN
KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (KPTN) 2017**

ZON	TARIKH	NEGERI	LOKASI
1	11-12 Feb 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Timur) Kelantan Terengganu Pahang	AEON Kota Bharu Kota Bharu, Kelantan Perasmian Pembukaan : Y.B Menteri KPT
2	18-19 Feb 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Utara I) Perlis Kedah	Dewan Ilmu Kampus UNIMAP Pauh Putra Perlis
3	25-26 Feb 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Selatan) Johor Melaka	Kampus UTHM Batu Pahat, Johor
4	4-5 Mac 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Utara II) Pulau Pinang Perak	Padang Kawad, Kampus Induk, USM Pulau Pinang
5	11-12 Mac 2017 (Sabtu & Ahad) 8.30pg-5ptg	(Zon Sabah) Sabah	One Borneo HyperMall Kota Kinabalu, Sabah
6	18-19 Mac 2017 (Sabtu & Ahad) 8.30pg-5ptg	(Zon Sarawak) Sarawak	CityONE Megamall Kuching, Sarawak
7.	25-26 Mac 2017 (Sabtu & Ahad) 9pg-5ptg	(Zon Tengah) Selangor Putrajaya Kuala Lumpur Negeri Sembilan	Perkarangan Dewan Tuanku Canselor USIM Negeri Sembilan Perasmian Penutup : Y.B Menteri KPT